

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : TUAN TEH KOK LIM [ TAIPING ]**

**TARIKH : 5 OKTOBER 2021 (SELASA)**

**SOALAN NO. 18**

minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA** menyatakan pencapaian teknologi 5G di negara kita setakat ini.

**JAWAPAN:**

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, teknologi 5G telah mula diperkenalkan di Malaysia melalui Projek Demonstrasi 5G yang dilancarkan pada tahun 2019, di mana sebanyak 71 kes kegunaan dengan jumlah pelaburan sektor komersil bernilai RM131 juta dijalankan di 50 tapak stesen pengkalan 5G di Kedah, Pulau Pinang, Selangor, Terengganu dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.

Projek Demonstrasi 5G ini merangkumi sembilan (9) sektor industri iaitu bandar pintar, hiburan/media, minyak dan gas, pelancongan, pembuatan dan pemprosesan, pendidikan, pengangkutan pintar, penjagaan kesihatan digital dan pertanian.

Projek Demonstrasi 5G Malaysia ini telah mendapat sambutan yang menggalakkan dan telah dilanjutkan selama 6 bulan sebanyak 2 kali (1 Julai 2020 dan 1 Januari 2021) dan akhirnya telah ditamatkan pada 30 Jun 2021.

## SOALAN NO : 18

Walaupun bagaimanapun, terdapat kes-kes kegunaan 5G yang telah dibenarkan untuk diteruskan selepas 30 Jun 2021 berdasarkan nilai-nilai impak komersial / sosial yang terdapat pada kes kegunaan tersebut seperti di Westport, Klang dan Pusat Penilaian COVID-19 di MAEPS, Serdang.

Projek Demonstrasi 5G ini adalah bagi membolehkan rangkaian dan perkhidmatan 5G yang menyeluruh dan berimpak tinggi dapat dirancang dan dipercepatkan, dengan mengambilkira peluasan rangkaian gentian optik dan 4G di bawah JENDELA.

Sehubungan itu, Kerajaan telah mengambil keputusan supaya satu syarikat tujuan khas (SPV) di bawah Menteri Kewangan Diperbadankan iaitu Digital Nasional Berhad (DNB), dilantik sebagai penyedia tunggal infrastruktur dan rangkaian 5G di seluruh negara. Pendekatan penyedia tunggal ini membolehkan penyedia-penyedia perkhidmatan 4G sedia ada terus menumpukan pelaburan kepada penaiktarafan infrastruktur dan rangkaian 4G dan gentian optik untuk manfaat pengguna. Pendekatan ini juga memastikan bahawa pelaksanaan 5G dapat diawalkan, bermula hujung tahun 2021.

Pembangunan rangkaian 5G akan dijalankan secara berperingkat bermula penghujung 2021 di Putrajaya, Cyberjaya dan Kuala Lumpur dan akan diperluaskan ke kawasan lain di seluruh negara bermula tahun 2022. Dalam perkara ini, syarikat DNB telah mensasarkan sehingga 80% kawasan berpenduduk di seluruh negara akan mendapat liputan 5G pada tahun 2024.